

**Malaysia Belum Tandatangani Perjanjian Tukar Banduan Dengan Negara Asing
Bernama
29 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Malaysia belum menandatangani treaty (perjanjian) dengan mana-mana negara asing untuk pertukaran banduan antara dua negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata pada masa ini perjanjian untuk pertukaran banduan negara asing masih di peringkat kajian.

"Berkemungkinan treaty yang ditandatangani memerlukan negara yang mempunyai peruntukan undang-undang yang sama," katanya ketika menggulung titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara di sini isnin.

Mengenai kesalahan yang dilakukan rakyat Malaysia di luar negara, Wan Junaidi berkata passport Malaysia boleh ditarik balik jika kerajaan mendapati mana-mana individu melakukan kesalahan tertentu.

"Pasport merupakan keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada rakyat Malaysia untuk pergi ke luar negara dan terpulang kepada kerajaan untuk mengekalkan keistimewaan itu atau sebaliknya.

"Bagaimanapun dalam kes pelajar yang menterbalikkan Jalur Gemilang di Taiwan tidak lama dahulu, mereka sudah pun memohon maaf," katanya.

Kementerian Dalam Negeri juga komited dalam memastikan rakyat Malaysia tidak melanggar undang-undang negara atas nama hak asasi manusia.

"Hak asasi bukan bermakna tidak perlu mematuhi undang-undang Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966919>